

TEMA 8 – Unit 15-Halaman 96

Contoh Perenggan Deduktif

Kemalangan yang berlaku di sekolah kebanyakannya berpunca daripada kecuaian pelajar dan pengabaian aspek keselamatan. **Sikap pelajar yang tidak berhati-hati dan tidak mematuhi peraturan keselamatan semasa menjalankan aktiviti di sekolah mendedahkan diri mereka kepada risiko kemalangan.** Kebakaran makmal sains yang hampir meragut nyawa pelajar di sebuah sekolah seperti yang dilaporkan oleh pihak media massa baru-baru ini merupakan contoh yang amat ketara. Tegasnya, masalah ini perlulah dipandang serius dan langkah-langkah pencegahan perlu dititikberatkan bagi mengelakkan terjadinya kemalangan yang lebih buruk.

Ayat Topik

Ayat Huraian

Ayat Contoh

Ayat Penegas

Contoh Perenggan Induktif

Kemalangan yang berlaku di sekolah perlu dipandang serius dan langkah-langkah pencegahan perlu dititikberatkan bagi mengelakkan terjadinya kemalangan yang lebih buruk. **Sikap pelajar yang tidak berhati-hati dan tidak mematuhi peraturan keselamatan semasa menjalankan aktiviti di sekolah mendedahkan diri mereka kepada risiko kemalangan.** Kebakaran makmal sains yang hampir meragut nyawa pelajar di sebuah sekolah seperti yang dilaporkan oleh pihak media massa baru-baru ini merupakan contoh yang amat ketara. Ini menunjukkan bahawa kemalangan yang berlaku di sekolah kebanyakannya berpunca daripada kecuaian pelajar dan pengabaian aspek keselamatan.

Ayat Penegas

Ayat Huraian

Ayat Contoh

Ayat Topik